

09 JUL 2003

Multaqa-Turki (Bergambar)/I

MULTAQA MENGORAK LANGKAH TINGKAT HUBUNGAN EKONOMI

Oleh: Wan Nurzila Abdul Rahman

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Perhimpunan cendekiawan Islam dunia di sini dapat mengorak jalinan kerjasama bukan sahaja membabitkan pelbagai isu mengenai Islam dan umatnya malah kemungkinan meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi.

Pengerusi Majlis Islam Turki Samil Dagci berkata Malaysia yang telah lama dianggap sebagai suara Dunia Ketiga serta negara Islam lain, sekali lagi dapat membuktikan negara ini sebagai tuan rumah yang baik dalam mengukuhkan hubungan melampaui isu-isu asas.

Dagci yang akan menghadiri Multaqa Ulama Sedunia selama tiga hari bermula esok berkata kerjasama antara negara-negara Islam wajar diperluaskan terutama dalam memperbaiki sistem kewangan berasaskan Islam.

Beliau memuji Malaysia kerana berjaya melaksanakan sistem perbankan Islam bagi melengkapkan sistem konvensional yang menawarkan lebih pilihan kepada orang ramai.

"Multaqa ini merupakan tempat terbaik dalam merangka persidangan seterusnya dalam Dunia Islam," kata Dagci yang juga seorang Profesor di Universiti Ankara, kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Mengenai penggunaan dina emas, beliau berkata pelaksanaannya tidak wajar dibantah kerana ia boleh menjadi mata wang pilihan dalam urusan perdagangan sebaik mekanisme mengenainya disediakan.

Bagaimanapun katanya beliau agak ragu-ragu idea itu boleh menjadi kenyataan dalam masa terdekat kerana pada masa ini dollar Amerika, Euro dan pound Sterling digunakan secara meluas dalam perjanjian perdagangan.

Penggunaan dina emas untuk perdagangan antarabangsa diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2001.

Malaysia dijangka meneruskan usaha itu dengan Iran manakala beberapa negara Arab lain turut menyuarakan minat masing-masing untuk menggunakan mekanisme yang sama.

Dagci yang baru pertama kali mengunjungi Malaysia berkata beliau kagum dengan pembangunan moden dan pesat negara ini dan dalam masa yang sama umat Islamnya masih kuat berpegang kepada ajaran Islam.

"Orang Melayu yang kebanyakannya Islam hidup sederhana tanpa unsur-unsur ekstrem," katanya.

Dagci berkata dalam persekitaran itu, Malaysia lebih berpotensi untuk maju dan makmur.

-- BERNAMA
WNZ AZZ LAT